

04 AUG 1997

Australia-MSK

AUSTRALIA CARI RAKAN KONGSI UNTUK MSC

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Australia sedang mencari rakan kongsi daripada kalangan syarikat Malaysia untuk menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC), khususnya dalam bidang penyiaran.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Komunikasi dan Kesenian Australia, Senator Richard Alston dalam pertemuan sejam dengan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie di pejabatnya di sini, hari ini.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Telekomunikasi Datuk Ismail Osman, Australia yang mempunyai satu kawasan multimedia di Victoria ingin memindahkan teknologi dalam bidang penyiaran mereka ke MSC.

"Teknologi yang dimaksudkan mereka ialah dalam bidang teleperubatan dan perdagangan elektronik," kata Ismail ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan Moggie-Alston itu.

Alston yang tiba di sini, hari ini, berada dalam rangka lawatan dua hari ke Malaysia.

"Semasa di sini mereka akan mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan yang akan dijadikan rakan kongsi," kata beliau.

Alston dan rombongannya juga mendapatkan penjelasan daripada Moggie mengenai pelaksanaan undang-undang multimedia seperti Tandatanganan Digital dan Pembangunan Teleperubatan.

Beliau berkata Malaysia mengalu-alukan penyertaan Australia dalam MSC dan berpendapat teknologi negara itu dalam bidang berkenaan agak canggih.

Ismail berkata Australia mungkin menghantar satu lagi delegasi ke Malaysia untuk tindakan susulan.

MSC yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan dibentuk daripada tiga projek mega ultra-modern -- Kuala Lumpur City Centre yang serba lengkap dan bersepadu dengan infrastruktur telekomunikasi terbaru; Putrajaya, pusat pentadbiran baru elektronik Kerajaan Persekutuan; dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang. --

BERNAMA

ES PR